



# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) TOURISM SELANGOR**

**2024 - 2028**



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Selamat Sejahtera.

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Tourism Selangor Sdn Bhd ini adalah satu bentuk perancangan awal yang boleh membantu syarikat dalam memperkasakan kempen pencegahan aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan kelemahan tadbir urus jabatan.

Oleh yang demikian, bagi menyambut aspirasi Kerajaan Persekutuan dalam perjuangan menentang gejala rasuah, Tourism Selangor Sdn Bhd juga turut komited dalam bersama-sama mendukung aspirasi tersebut selaras dengan substrategi ke-18 digariskan di bawah “Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam” yang mewajibkan semua sektor awam untuk membangunkan langkah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dinyatakan di dalam Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS).

Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 7 Mei 2024 lalu merupakan kesinambungan dengan mengambil nilai dan konsep MADANI iaitu nilai-nilai kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat-menghormati, keyakinan, dan ihsan sebagai panduan utama dalam memandu proses membuat keputusan yang berpaksi pada ketelusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan serta menghindari pembaziran dan ketirisan.

Kakitangan merupakan tulang belakang kepada jentera sesebuah organisasi khususnya bagi organisasi yang berinteraksi kepada masyarakat dalam perkhidmatannya seperti Tourism Selangor Sdn Bhd. Oleh itu, modal insan yang berintegriti dan boleh diteladani adalah merupakan aset penting bagi mewujudkan persekitaran kerja yang efisien dan berkesan serta dipandang tinggi. Justeru, saya berharap dengan pelaksanaan OACP ini bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga Tourism Selangor Sdn Bhd. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat. Semoga kesemua 20 pelan tindakan yang di rancang dapat dilaksanakan sepertimana tempoh yang dijanjikan.



**CHUA YEE LING**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Tourism Selangor Sdn Bhd

# JAWATANKUASA INDUK OACP

## PENGERUSI



**Chua Yee Ling**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## AHLI JAWATANKUASA



**Mohamad Faroul Mustaffa Bin Ngadamin**  
Pengurus Acara & Pelancongan Fokus



**Khuzaimah Binti Jamaluddin**  
Pengurus Promosi



**Ahmad Nazri Tashriq Bin Rahmat**  
Pengurus Komunikasi Korporat



**Mohd Hafez Bin Hanip**  
Pemangku Pengurus Pembangunan Industri  
, Pemegang Taruh & Hal Ehwal Kerajaan



**Renuga Devi A/P Sivamoorthy**  
Pemangku Pengurus Pembangunan  
Produk & Pakej

# UCAPAN

## PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Pelan Antirasuah Organisasi Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) dihasilkan dengan komitmen berterusan dari keseluruhan pengurusan dan warga TSSB untuk memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif sepertimana yang digariskan di bawah pelan tersebut selaras dengan matlamat Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) iaitu keadilan dan ketelusan di semua peringkat pentadbiran. Melalui usaha ini, ia berhasrat memacu negara menuju lebih makmur dan meningkatkan taraf hidup yang lebih baik bagi semua warga Malaysia.

Matlamat pelan ini adalah selaras dengan objektif Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) untuk peningkatan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban merentas pelbagai sektor di Malaysia, termasuk ahli politik, pentadbiran awam, perolehan Kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai. Sekaligus mampu mencegah serta mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di samping meningkatkan imej serta kredibiliti negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Justeru, seluruh warga kerja TSSB diseru untuk menjadikan OACP TSSB sebagai panduan dalam memastikan pengurusan pentadbiran TSSB bebas dari amalan rasuah. Oleh itu, aspek tatakelola dan tadbir urus organisasi ini dapat ditambah baik bagi melahirkan warga kerja TSSB yang berintegriti.



**MOHAMMAD ZAIM BIN MOHAMMAD NASHIR**  
Pengerus Akaun & Pentadbiran  
Tourism Selangor Sdn Bhd

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

## PENGERUSI



Mohammad Zaim Bin Mohammad Nashir  
Pengerus Akaun & Pentadbiran

## AHLI JAWATANKUASA



Mohd Yusri Bin Abdullah @ Md Rodzi  
Eksekutif Kanan Pembangunan Industri ,  
Pemegang Taruh & Hal Ehwal Kerajaan



Ahmad Danial Bin Khairudin  
Eksekutif Kanan Promosi



Nor Farhana Binti Abd Kadir  
Eksekutif Kanan Akaun



Harith Hadziq Bin Shaik Mohd Sherif  
Penolong Pengerus Acara



Nor Farazuha Binti Aripin  
Eksekutif Komunikasi Korporat



Mohammad Hafiz Bin Ismail  
Eksekutif Pembangunan Produk & Pakej



Nur Syafiqah Binti Akoailah  
Eksekutif Sumber Manusia

[ SEKRETARIAT OACP ]



INTEGRITI &  
GOVERNAN



## PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)



Halim Bin Hamdan  
Pengurus Strategik Korporat  
[ Ketua Sekretariat ]

## PEGAWAI PERHUBUNGAN INTEGRITI (ILO)



Mohd Salleh Bin Sajari  
Eksekutif Kanan Strategik Korporat  
[ Sekretariat ]

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Tourism Selangor Sdn Bhd 2024-2028** telah dibangunkan hasil daripada komitmen penuh Jawatankuasa Pembangunan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd yang dilantik serta kerjasama warga Tourism Selangor Sdn Bhd dari pelbagai peringkat. Dokumen ini menggariskan empat (4) strategi utama dalam menangani permasalahan isu integriti, governans, dan juga rasuah.

Empat (4) bidang utama yang telah dikenalpasti terdedah kepada permasalahan integriti, governans dan rasuah di Tourism Selangor Sdn Bhd iaitu tadbir urus, pengurusan kewangan dan perolehan, dan pembangunan sumber manusia.

Lima (5) pengisian dan input yang mencakupi pelan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd adalah seperti berikut :

1

## PENGENALAN

Merangkumi latar belakang organisasi dan bidang tugasan utama (Core Business)

2

## ISU DAN CABARAN

Merangkumi isu dan permasalahan, di samping analisis data (dalaman dan luaran) bagi menghasilkan pelan tindakan yang bersesuaian

3

## MEMPERKASA ISU PENCEGAHAN RASUAH

Kerangka utama OACP dan senarai pelan tindakan yang telah dihasilkan bagi mencapai visi dan misi OACP

4

## TADBIR URUS OACP

Menyentuh aspek berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian

5

## KESIMPULAN

Merumuskan keseluruhan pelaksanaan pembangunan OACP

# ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>M/S</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>10-14</b>
<b>2</b>	<b>Isu dan Cabaran</b>	<b>15-17</b>
<b>3</b>	<b>Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah</b>	<b>18-29</b>
<b>4</b>	<b>Tadbir Urus Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)</b>	<b>30-32</b>
<b>5</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>33-34</b>
	<b>Penghargaan</b>	<b>35</b>

# 1

# PENGENALAN

- 01** Latar Belakang
- 02** Visi, Misi dan Objektif
- 03** Sejarah Penubuhan
- 04** Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional
- 05** Rasionalisasi Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP)



# Latar Belakang

**Tourism Selangor Sdn Bhd** merupakan Agensi Promosi Pelancongan Rasmi Negeri Selangor yang diamanahkan untuk menarik pelancong tempatan dan antarabangsa ke Negeri Selangor dengan meningkatkan profil Negeri. Agensi ini menjalankan pelbagai inisiatif termasuk menganjurkan acara-acara tempatan dan antarabangsa, kempen dan lawatan promosi, serta menjalankan misi perdagangan pelancongan luar negara.

# Sejarah Penubuhan

## SEJARAH PENUBUHAN KAMI



- Tarikh rasmi penubuhan Tourism Selangor: **14 Julai 2001**

**1994**  
[24 Februari 1994] PNSB Realty Sdn Bhd telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang berfungsi sebagai kedai cenderamata

**2008**  
TSSB telah dipindah dari syarikat milikan Permodalan Nasional Selangor Berhad (PNSB) kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

**2021**  
Tourism Selangor meraikan ulang tahun ke-20 dalam industri pelancongan Malaysia.

**2001**  
[Oktober] Penubuhan Tourism Selangor Sdn Bhd dirasmikan oleh Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor pada Oktober 2001.

**2012**  
Tourism Selangor Promosi Sdn Bhd (TSPSB) telah ditubuhkan pada tahun 2012 sebagai anak syarikat TSSB.

**2024**  
Tourism Selangor telah beroperasi selama hampir 24 tahun.

[Julai] Nama PNSB Realty Sdn Bhd telah diubah secara rasmi kepada Tourism Selangor Sdn Bhd pada 14 Julai 2001.

# Visi & Misi



## VISI

"Menjadi Lembaga Pelancongan teratas dan mengekalkan Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan pilihan pertama yang utama di Malaysia"

## MISI

Memberikan kualiti yang terbaik dalam operasi, perkhidmatan dan produk

Menjana pendapatan utama untuk pembangunan negeri Selangor

Mewujudkan kerjasama yang berkesan dengan pemain industri


Memenuhi keperluan dan harapan pelancong

Menyediakan maklumat yang berguna kepada pelbagai pihak

# Dasar Integriti & Tadbir Urus

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Kerajaan telah membangunkan beberapa inisiatif utama di peringkat nasional iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan yang terkini Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028. Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan anti rasuah di dalam negara

Pada 7 Mei 2024, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 dimana ianya merupakan kesinabungan daripada pelan-pelan integriti dan antirasuah sebelum ini yang mengfokuskan kepada keberkesanan usaha pencegahan rasuan, selain memperkasakan lagi tatakelola dan integriti dalam pentadbiran awam serta Syarikat berkaitan Kerajaan. NACS 2024-2028 adalah komponen penting di dalam agenda reformasi Malaysia yang mengariskan lima (5) strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia.





# Rasionalisasi Pembangunan OACP

**Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024 – 2028** telah dilancarkan pada 7 Mei 2024 yang lalu telah menetapkan matlamat nasional bagi mencapai visi menjadi sebuah negara bebas rasuah dan makmur sejajar dengan aspirasi nasional Kerajaan iaitu Membangun Malaysia MADANI.

NACS ini telah menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang tempoh pelaksanaannya telah berakhir pada tahun 2023 lalu. Oleh yang demikian pelaksanaan NACS ini memperlihatkan komitmen Kerajaan Malaysia yang sentiasa konsisten dalam merangka strategi dan tindakan bagi membentasi rasuah dan juga salah laku integriti.

Untuk memastikan cakupan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang holistik serta memenuhi aspirasi masyarakat, usaha bersepadu diarahkan untuk meningkatkan ketelusan, mengukuhkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban di semua sektor di Malaysia, membendung salah guna kuasa, menghapuskan campur tangan politik dan mereka yang berpengaruh, membantasi nepotisme dan kronisme, serta mengurangkan penyelewengan serta salah urus.

Semua strategi ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan integriti Kerajaan, sekali gus meningkatkan reputasi dan persepsi Malaysia di mata dunia.

Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah adalah merupakan substrategi ke-18 digariskan di bawah “Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam” yang mewajibkan semua sektor awam untuk membangunkan langkah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Susulan itu, Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) telah memulakan perancangan pelaksanaan pembangunan OACP sejak tahun 2021 dengan membuat kajian dan penilaian awal risiko-risiko rasuah meliputi semua Jabatan di TSSB. Dalam hal ini, OACP TSSB akan dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun iaitu dari tahun 2024-2028. Ruang lingkup pelaksanaan OACP TSSB hendaklah merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam jabatan.

# 2

# ISU DAN CABARAN

**01** Isu dan Cabaran Menangani Rasuah

**02** Pembangunan OACP Tourism Selangor



# Isu dan Cabaran Menangani Rasuah

Pada tahun 2020, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International telah merosot sebanyak 6 tangga ke kedudukan ke-57 berbanding tahun 2019 iaitu di kedudukan ke-51. Sehubungan dengan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.

Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah menunjukkan sebanyak 1100 tangkapan kes rasuah telah dilakukan pada tahun 2019, 525 kes adalah daripada penjawat awam. Daripada 525 kes, sebanyak 288 kes telah dihadapkan pertuduhan dan sebanyak 104 telah disabitkan dengan kesalahan rasuah. Sebanyak 47.6% kes rasuah berlaku dalam kalangan penjawat awam sepanjang lima (5) tahun ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 72.3% kes adalah daripada kumpulan pelaksana dan 52.6% kes adalah melibatkan individu yang berumur 40 tahun ke bawah.

Berdasarkan analisis ke atas maklumat rasuah di Malaysia, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, terdapat empat (4) punca utama berlakunya amalan rasuah.



# Pembangunan OACP Tourism Selangor

Sepanjang sesi pembangunan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) berlangsung, pelbagai data dan maklumat telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh seluruh Jabatan di TSSB dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

TSSB telah melaksanakan Corruption Risk Management (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah yang berupaya menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan Corruption Risk Management (CRM)
2. Pelaksanaan Bengkel Pembangunan OACP
3. Semakkan dan carian kes-kes rasuah / tatakelola / salah laku integriti bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Audit Dalam Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan Jabatan Audit Negara.
4. Pengemaskinian dan pengukuhan hasil dapatan risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa.
5. Input yang diperolehi melalui sesi libat urus langsung bersama-sama pegawai-pegawai kanan bahagian/unit.

# **3** MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 01** Kerangka Utama OACP
- 02** Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- 03** Ringkasan Kerangka OACP
- 04** Strategi dan Objektif Strategi
- 05** Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor

# Kerangka Utama OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

## VISI

Tourism Selangor Berintegriti, Telus dan Sifar Rasuah

## MISI

Membangunkan Budaya Berintegriti Untuk Memupuk Etika Kerja dan Tatalaku Yang Telus dan Bebas Rasuah

## MATLAMAT

**Memastikan Syarikat Mempunyai Asas Nilai Kukuh dan Prinsip Berintegriti**

**Memangkin Budaya Integriti Dalam Tadbir Urus Syarikat**

### BIDANG KEUTAMAAN 1

#### **PEROLEHAN**

#### **STRATEGI 1**

Meningkatkan Ketelusan Dan Kecekapan Proses Pengurusan Perolehan

### BIDANG KEUTAMAAN 2

#### **MODAL INSAN**

#### **STRATEGI 2**

Menerapkan Budaya Kerja Berintegriti, Profesional, Beretika Dan Bebas Rasuah

### BIDANG KEUTAMAAN 3

#### **TADBIR URUS**

#### **STRATEGI 3**

Menguatkan Akauntabiliti, Kredibiliti, Profesionalisma Dan Ketelusan Tadbir Urus

### BIDANG KEUTAMAAN 4

#### **KEWANGAN**

#### **STRATEGI 4**

Memperkasakan Tatakelola Pembayaran yang lebih cekap

# Bidang - Bidang Keutamaan Berisiko

[1/2]

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan di setiap jabatan di Tourism Selangor Sdn Bhd, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di Tourism Selangor Sdn Bhd yang telah dikenal pasti.

## BIDANG KEUTAMAAN 1

### PEROLEHAN

Pengurusan perolehan perlu dijalankan secara cekap dan teratur bagi mengelakkan terdapat ruang dan peluang berlakunya penyelewengan. Oleh itu, setiap jabatan perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan syarikat dapat dilindungi agar pembaziran dan ketirisan sumber kewangan dapat di cegah dan di elakkan.

## BIDANG KEUTAMAAN 2

### MODAL INSAN

Menyedari betapa pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) berkaitan integriti dan urus tadbir baik melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang dan berteraskan pembangunan kompetensi serta pembelajaran berterusan. Program-program dirancang seawal perkhidmatan bagi membentuk jati diri, nilai murni dan etika kerja yang berterusan selaras dengan kompetensi serta kehendak perkhidmatan.

# Bidang - Bidang Keutamaan Berisiko

[2/2]

## BIDANG KEUTAMAAN 3

### TADBIR URUS

Sektor tadbir urus merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang dan berteraskan pembangunan kompetensi serta pembelajaran berterusan. Program-program dirancang seawal perkhidmatan bagi membentuk jati diri, nilai murni dan etika kerja yang berterusan selaras dengan kompetensi serta kehendak perkhidmatan.

## BIDANG KEUTAMAAN 4

### KEWANGAN


Pengurusan kewangan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

# Ringkasan Kerangka Utama OACP

## Kerangka Utama



## Tempoh Pelaksanaan



# Strategi dan Objektif Strategi

**STRATEGI 1** Meningkatkan Ketelusan Dan Kecekapan  
Proses Pengurusan Perolehan

**OBJEKTIF STRATEGI**

1. Memantapkan Proses Pengurusan Perolehan
2. Memastikan kefahaman dan kepatuhan tatacara proses perolehan

**STRATEGI 2** Menerapkan budaya kerja berintegriti,  
profesional, beretika dan bebas rasuah

**OBJEKTIF STRATEGI**

1. Mengukuhkan amalan budaya kerja, berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah
2. Memantau amalan budaya kerja, berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah

**STRATEGI 3** Mengukuhkan Akauntabiliti, Kredibiliti,  
Profesionalisma dan ketelusan Tadbir Urus

**OBJEKTIF STRATEGI**

Meningkatkan akauntibiliti & keupayaan tadbir urus

**STRATEGI 4** Memperkasa Tatakelola Pembayaran  
yang lebin cekap

**OBJEKTIF STRATEGI**

Meningkatkan akauntibiliti & keupayaan tadbir urus

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[1/7]

<b>BIDANG KEUTAMAAN 1</b> <b>PEROLEHAN</b>	<b>STRATEGI 1</b> Meningkatkan Ketelusan Dan Kecekapan Proses Pengurusan Perolehan		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI 1</b> Memantapkan Proses Pengurusan Perolehan		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.	Melaksanakan Semakkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perolehan	Akaun & Pentadbiran (Unit Perolehan)	Suku Tahun Keempat 2024
2.	Mewujudkan polisi pengurusan pengaruh luar & surat sokongan (Menunggu polisi diluluskan di peringkat MBI)	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Suku Tahun Keempat 2024

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[2/7]

<b>BIDANG KEUTAMAAN 1</b> <b>PEROLEHAN</b>	<b>STRATEGI 1</b> Meningkatkan Ketelusan Dan Kecekapan Proses Pengurusan Perolehan		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI 2</b> Memastikan kefahaman dan kepatuhan tatacara proses perolehan		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.	Kemaskini buku terma berkenaan tindakan tatatertib kakitangan yang terlibat	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Suku Tahun Keempat 2024
2.	Memperkasakan hebahan polisi Konflik Kepentingan secara berterusan / berkala	Strategik Korporat (Unit Integriti & Governan)	Setiap Tahun (2024 – 2028)
3.	Memperkasakan Hebahan Saluran Aduan secara berterusan / berkala	Strategik Korporat (Unit Integriti & Governan)	Setiap Tahun (2024 – 2028)
4.	Memperkasakan Hebahan Polisi Tatakelakuan & Disiplin Kakitangan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Setiap Tahun (2024 – 2028)

[3/7]

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b> 2 <b>MODAL INSAN</b>	<b>STRATEGI</b> 1 Menerapkan budaya kerja berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI</b> 1 Mengukuhkan amalan budaya kerja, berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.	Melaksanakan Semakkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perolehan	Akaun & Pentadbiran (Unit Perolehan)	Setiap Tahun (2024 – 2028)
2.	Mewujudkan polisi pengurusan pengaruh luar & surat sokongan (Menunggu polisi diluluskan di peringkat MBI)	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Setiap Tahun (2024 – 2028)

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[4/7]

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b> 2 <b>MODAL INSAN</b>	<b>STRATEGI</b> 1 Menerapkan budaya kerja berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI</b> 2 Memantau amalan budaya kerja, berintegriti, profesional, beretika dan bebas rasuah		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAN	TEMPOH MASA
1.	Analisa rekod tahunan tuntutan kakitangan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Setiap Tahun (2024 – 2028)

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[5/7]

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b> <b>3</b> <b>TADBIR URUS</b>	<b>STRATEGI</b> <b>1</b> Mengukuhkan Akauntabiliti, Kredibiliti, Profesionalisma dan ketelusan Tadbir Urus		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI</b> <b>1</b> Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan tadbir urus		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAN	TEMPOH MASA
1.	Menambahbaik saluran aduan berkaitan tatakelakuan kakitangan	Akaun & Pentadbiran (Unit Pentadbiran)	2025
2.	Melaksanakan terhadap pengisytiharaan harta kakitangan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	2025
3.	Memperkasakan Hebahan Polisi Tatakelakuan & Disiplin Kakitangan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Setiap Tahun (2024 – 2028)

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[6/7]

<b>BIDANG KEUTAMAAN</b> <b>3</b> <b>TADBIR URUS</b>	<b>STRATEGI</b> <b>1</b> Mengukuhkan Akauntabiliti, Kredibiliti, Profesionalisma dan ketelusan Tadbir Urus		
	<b>OBJEKTIF STRATEGI</b> <b>1</b> Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan tadbir urus		
<b>PELAN TINDAKAN</b>			
BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
4.	Memperkasakan hebahan saluran aduan secara berterusan / berkala	Strategik Korporat (Unit Integriti & Governan)	Setiap Tahun (2024 – 2028)
5.	Menambahbaik Polisi Konflik Kepentingan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	2025
6.	Memperkasakan hebahan dan kesedaran Polisi Konflik Kepentingan	Akaun & Pentadbiran (Unit Sumber Manusia)	Setiap Tahun (2024 – 2028)

# Pelan Tindakan OACP Tourism Selangor Sdn Bhd

[7/7]

**BIDANG  
KEUTAMAAN** 4

**KEWANGAN**

**STRATEGI**

1

Memperkasakan tatakelola pembayaran yang lebih cekap

**OBJEKTIF  
STRATEGI**

1

Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan tadbir urus

## PELAN TINDAKAN

BIL	TINDAKAN	JABATAN PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.	Menambahbaik garis panduan pembayaran perkhidmatan / pembekalan	Akaun & Pentadbiran (Unit Kewangan)	2025

# **4** TADBIR URUS OACP TOURISM SELANGOR SDN BHD

**01** Mekanisme Pelaksanaan

**02** Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan  
Penilaian

GOVERNANCE

# Mekanisme Pelaksanaan

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah TSSB dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Unit Integriti dan Governan (IGU) TSSB bertindak sebagai Sekretariat penyelaras Pelan Antirasuah (OACP) yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Antirasuah & Integriti TSSB hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP) ini, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada Pihak Pengurusan tertinggi, warga TSSB dan pemegang taruh adalah penting agar OACP TSSB bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jawatankuasa – jawatankuasa bagi melaksana dan memantau Pelan Antirasuah Organisasi TSSB hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tanggungjawab seperti berikut :



## Jawatankuasa Induk Antirasuah & Integriti TSSB

- ▶ Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi TSSB.
- ▶ Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan.
- ▶ Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi.



## Jawatankuasa Pembangunan OACP TSSB

- ▶ Mengenal pasti isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah bagi membangunkan OACP TSSB.
- ▶ Memastikan proses penerbitan OACP dilaksanakan dengan lancar.

# Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan & Penilaian

## Penyelarasan

Unit Integriti dan Governan (IGU) TSSB selaku sekretariat induk OACP TSSB bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan seperti berikut :

- ▶ Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- ▶ Menyelaraskan Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa bagi membincangkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun
- ▶ Menyediakan pelaporan status pelaksanaan OACP bagi dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Induk Antirasuah & Integriti TSSB setiap suku tahun

## Pemantauan

Pemantauan prestasi OACP TSSB akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Induk Antirasuah & Integriti TSSB setiap tempoh suku tahun.


- ▶ Melakukan perbandingan pencapaian dengan sasaran
- ▶ Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit
- ▶ Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun

## Penilaian

Penilaian terhadap keberkesanan OACP akan dilaksanakan dan dibincangkan melalui oleh Jawatankuasa Induk Antirasuah & Integriti TSSB.

- ▶ Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap pelan tindakan.
- ▶ Menilai sama ada pelan tindakan menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai.
- ▶ Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang.

# 5 KESIMPULAN



# Kesimpulan

Setiap organisasi sama ada jabatan / agensi kerajaan, syarikat-syarikat dibawah seliaan kerajaan persekutuan / negeri atau pun syarikat swasta, semuanya tidak terkecuali daripada ancaman amalan rasuah dan penyelewengan yang melibatkan warga kerja dalam organisasi. Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama khususnya di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerkasaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan kesalahan tatatertib mahupun jenayah. Selaras dengan itu, OACP TSSB yang dibangunkan ini bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan TSSB sebagai peneraju pembangunan sumber manusia yang bersandarkan kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

OACP TSSB telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak 20 inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, tatakelola dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. OACP TSSB ini bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko rasuah dapat ditangani dengan berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan OACP TSSB ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan dan penilaian setiap tahun akan dilaksanakan. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa supaya ianya selari dan menepati hasrat yang diharapkan. Komitmen semua pihak adalah pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan OACP TSSB ini dan secara langsung ianya dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga kerja.

Pembangunan OACP TSSB 2024-2028 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh jabatan bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam NACS 2024 - 2028. Selain itu, OACP TSSB ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan pelan tindakan di bawah OACP TSSB dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dengan berkesan. Bahkan OACP TSSB ini dilihat sebagai satu “living document” yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut relevansi perubahan semasa.

# PENGHARGAAN





# NOTA





*Tourism*  
**SELANGOR**



Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



+603-5513 2000



+603-5513 6268



info@tourismselangor.my



<https://selangor.travel>